



BULETIN

MAJLIS DAERAH MARAN

EDISI 1/2017

KELUARAN JANUARI - JUN 2017

LUBUKYU

Tarikan pelancong

HRMIS

Sijil Penyampaian
Kecemerlangan

Anugerah Perkhidmatan
CEMERLANG 2016



Taklimat Bazar
Sumbangan Kurma
RAMADAN





BULETIN

Edisi 1/2017

Keluaran Tahun 2017

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YH Dato' Syed Ahmad Fuad bin Syed Taha,
DIMP., SMP.

KETUA PENGARANG

Puan Shahrani Saazai binti Mat Saad, PKT

PENGARANG

Puan Habsah binti Mat Jabar, PKC.
Encik Mohd Yusri bin Johan, PKC.
Encik Zulkarnain bin Ishak, PKC.
Encik Mohd Hisham bin Said, PKC.
Puan Norhayati binti Jaafar, PKT.
Puan Mazaitun Hani binti Zainon, PKT.
Encik Muhamad Hanafiah
bin Mohd Tahir, PKC
Puan Nur Izatul binti Abd Ghaffar
Encik Shaharin bin Akil, PKT
Encik Jafri bin Long
Encik Wan Mohd Razali bin W. Hamid

JURUGAMBAR

Encik Zulkarnain Mohd Nadzir

Majlis Meraikan Persaraan Kakitangan Majlis Daerah Maran (Puan Hasmah binti Hassan)



Biodata

- Puan Hasmah Binti Hassan
- Dilahirkan pada 27 September 1959
- Dilahirkan di Kampung Serengkam, Maran, Pahang Darul Makmur.
- Tempoh Berkhidmat 19 Tahun (1998 – 2017)



Kursus Pengurusan Pelanggan

Kursus Pengurusan Pelanggan

31 Januari 2017 – Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Maran telah menganjurkan Kursus Pengurusan Pelanggan untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan yang terlibat secara terus dengan pelanggan dan juga ketua jabatan/unit dan bahagian.

Kursus yang telah diadakan bertempat di Dewan Tasik Majlis Daerah Maran itu telah disampaikan oleh tenaga pengajar yang telah dijemput khas daripada Institut Tadbiran Awam (INTAN) Cawangan Timur (INTIM).



Tahniah!

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MAJLIS DAERAH MARAN TAHUN 2016

1. Puan Nur Izatul binti Abd Ghaffar
(Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29)

2. Encik Muhamad Syazwan bin
Dato' Haji Jamlus
(Penolong Jurutera JA29)

3. Encik Ahmad Hassaini bin Mat Diah
(Pembantu Penguatkuasa KP19)

4. Puan Intan Liyana binti Rasenan
(Pembantu Tadbir N19)

5. Encik Mohd Farif bin Abd Aziz
(Pembantu Penilaian W19)

6. Puan Noraini binti Bakar
(Pembantu Awam H11)

7. Encik Saripuddin bin Sanusi
(Pemandu Kenderaan H11)

8. Encik Hamizi bin Jalil
(Pembantu Awam H11)

9. Encik Mohd Norhisham Zulhaimi
(Pembantu Awam H11)

10. Encik Suhaimi bin Mat Yacob
(Pembantu Awam H11)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Majlis Meraikan Persaraan Kakitangan



15 Mei 2017 – Majlis Daerah Maran telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2016. Majlis telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, YH Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Anugerah Jasamu Disanjung



Anugerah ini telah diberikan kepada empat (4) orang kakitangan Majli Daerah Maran yang telah bersama membantu menangkap penceroboh yang memasuki kawasan pejabat pada 7 Januari 2017 yang lalu. Anugerah khas ini telah diterima oleh En. Azizul Sufian Aliasak, En. Mohd Fadzli Mohd Arifin, En. Ahmad Hassaini Mat Diah dan En. Mohd Firdaus.





Mesyuarat Agong BAKEP kali ke - 28

Mesyuarat Agong BAKEP kali ke - 28

28 Februari 2017 – Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja (BAKEP) Majlis Daerah Maran telah mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan BAKEP Kali ke – 28 bertempat di Dewan Tasik Majlis Daerah Maran. Mesyuarat telah dimulakan dengan ucapan Pengerusi BAKEP – Puan Habsah binti Mat Jabar diikuti dengan Ucapan Perasmian oleh YH Dato’ Syed Ahmad Fuad bin Syed Taha.



Bengkel PSTM



Bengkel Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Majlis Daerah Maran

17 Mac 2017 – Bahagian Sistem Maklumat Majlis Daerah Maran telah mengelola sebuah bengkel bagi membincangkan program – program yang akan dimuatkan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Majlis Daerah Maran bagi tempoh 2017 – 2020. Penglibatan dari semua jabatan/ unit dan bahagian Majlis Daerah Maran telah membuahkan hasil dan input – input yang telah diterima hasil perbincangan bengkel berkenaan akan dikaji semula dan dibukukan sebagai Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) sebagai panduan pelaksanaan kemajuan ICT di Majlis Daerah Maran.

Audit Bahasa



Audit Bahasa

17 Mei 2017 – Majlis Daerah Maran telah dikunjungi oleh pasukan inspektorat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk tujuan mengaudit tahap penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi Majlis Daerah Maran. Antara perkara yang diaudit adalah seperti memo, surat, buletin, brosur, laporan tahunan, laman web serta lain – lain untuk meneliti dari segi ejaan, tatabahasa dan penggunaan singkatan kata yang sesuai.



Lawatan Pasukan KIK Majlis Daerah Bera ke Majlis Daerah Maran

Lawatan Pasukan KIK Majlis Daerah Bera

27 Mac 2017 – Pasukan KIK Majlis Daerah Bera telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Daerah Maran bagi memperkenalkan inovasi yang telah dicipta untuk kerja – kerja menurunkan bunting yang berada di tempat tinggi.



Taklimat Bazar Ramadan

Taklimat Bazar Ramadan 1438H

22 Mei 2017 – Sempena menyambut Ramadan, pihak Majlis Daerah Maran dibawah kelolaan Bahagian Pelesenan telah mengadakan Taklimat Bazar Ramadan dan cabutan undi tapak perniagaan kepada peniaga – peniaga yang telah mendaftar sebagai peniaga Bazar Ramadan.



Sumbangan Duit Raya

Sumbangan Duit Raya

24 Mei 2017 – Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja (BAKEP) Majlis Daerah Maran telah menyampaikan sumbangan duit raya kepada semua ahli BAKEP serta pulut kuning kepada semua peserta tadarus Al – Quran yang telah menyertai program tadarus sepanjang bulan Ramadan.





Penyampaian Sijil 5 Bintang KPI HRMIS 2016

14 Jun 2017 – YH Dato' Syed Ahmad Fuad bin Syed Taha selaku Yang Dipertua Majlis Daerah Maran telah mengumumkan seterusnya menyampaikan Sijil Penarafan 5 Bintang bagi Petunjuk Prestasi HRMIS Tahun 2016 kepada Pentadbir Sistem HRMIS Puan Shahrani Saazai binti Mat Saad selaku Ketua Bahagian Sistem Maklumat dan pada masa yang sama sebagai Ketua Bahagian Pentadbiran Am Majlis Daerah Maran. Semoga kerjasama daripada semua kakitangan Majlis Daerah Maran dapat dikekalkan untuk memastikan Majlis Daerah Maran masih berada pada kedudukan tiga (3) terbaik bagi agensi kerajaan dibawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.



Majlis perpisahan pelajar – pelajar praktikal sepanjang bulan Januari hingga Jun 2017